

01/01/1999

Awasi kapitalis asing (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan, tahun 1999 akan menduga ketahanan bangsa Malaysia, terutama dalam usaha menangkis pelbagai percubaan kapitalis asing untuk menakluki negara ini.

Menurut Perdana Menteri, percubaan menakluk Malaysia akan diteruskan, dengan kuasa-kuasa tertentu akan menggunakan segala senjata dan peralatan yang dimiliki mereka untuk memecah-belah dan menguasai negara ini.

"Pemimpin-pemimpin mereka, media mereka, pedagang mereka, agensi-agensi antarabangsa mereka, agensi penarafan mereka, bank-bank mereka, akan melakukan apa saja untuk mencapai matlamat ini."

"Dunia sekarang dan dunia abad ke-21 dan alaf baru amat mencabar. Kita bernasib baik kerana pengurusan negara kita tidak menyebabkan kita menjadi lemah sehingga terpaksa meminta pertolongan daripada kapitalis asing."

"Justeru, kita masih bebas dan dapat menguasai keadaan dalam negara," katanya ketika menyampaikan perutusan sempena Tahun Baru 1999 melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Dr Mahathir berkata, kuasa-kuasa asing akan terus menuduh negara ini mengamalkan pemerintahan tidak telus, yang terbabit dengan kroni-kapitalisme dan nepotisme, tidak menghormati undang-undang, tidak demokratik dan tidak menghiraukan desakan daripada penunjuk perasaan di jalanan.

"Tetapi tuduhan yang dilemparkan terhadap kita lebih tepat dituju kepada mereka. Merekalah yang mengamalkan pengurusan kewangan yang tidak telus, kronisme dan nepotisme, mencabul demokrasi dan tidak menghirau desakan penunjuk perasaan di negara mereka."

"Umpamanya mengenai pengeboman di Iraq serta penyeksaan dan pelancaran roket ke atas kanak-kanak dan orang yang tidak mampu mempertahankan diri mereka. Mereka adalah seperti ayam jantan yang berkokok berderai-derai tetapi ekornya bergelumang dengan tahi."

"Biarlah mereka berkokok. Kita rakyat Malaysia, bangsa Malaysia akan menentukan negara kita dipulih semula dengan cara yang halal," tegasnya.

Perdana Menteri bagaimanapun bersyukur kerana rakyat Malaysia dapat melalui cabaran 1998 dengan begitu baik kerana bukan saja dapat menangani kegawatan ekonomi, malah kegawatan politik berikutan keengganan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima pelucutan jawatannya daripada kerajaan.

"Syukur Alhamdulillah, rakyat Malaysia tidak mudah dihasut supaya mengkhianati negara. Sebaliknya, majoriti terbesar rakyat Malaysia menghadapi cabaran kegawatan ekonomi dengan hati yang tabah."

"Bukan saja hasutan kuasa asing dan media mereka supaya rakyat mencetuskan huru-hara tidak disambut, tetapi rakyat Malaysia bertenang, sanggup berkorban dengan mengurangkan pengaliran wang keluar negara dan meningkatkan pengeluaran dan eksport negara."

"Walaupun inflasi meningkat, tuntutan untuk menaikkan upah tidak keterlaluan dan dengan itu inflasi terkawal. Tidak ada mogok atau tindakan perusahaan lain yang dilakukan oleh pekerja dan kesatuan mereka," katanya.

(END)